

# UMS buka peluang luas untuk lulusan SPM

UB 04.04.2012 B4

MINDA PENDIDIK

ABDUL SAID AMBOTANG

Bersama

Mohd Yusof Abdullah, Baharom Mohamad, Shukri Zain, Muhamad Suhaimi Taat dan Roslee Talip



KEPUTUSAN SPM tahun 2011 baru sahaja diumumkan pada 21 Mac lepas. Seperti yang diharapkan daripada 39,765 calon SPM di Sabah, bilangan pelajar yang lulus semua mata pelajaran menunjukkan peningkatan iaitu seramai 16,848 (51.4 peratus), berbanding 16,368 (49.88 peratus) pada 2010. Turut menarik perhatian negeri ini juga berjaya mencatat Gred Purata Negeri (GPN) lebih baik bagi keputusan Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) 2011 iaitu 5.51 peratus berbanding 5.67 peratus pada 2010.

Pelbagai program yang dilakukan oleh jabatan dan Kementerian Pelajaran ternyata telah berjaya membawa hasil, sekali gus menyaksikan SPM kali ini merekodkan 11 pelajar memperoleh A+ dalam semua mata pelajaran yang diduduki manakala 40 orang lagi mendapat A+ dan A bagi semua mata pelajaran. Tahniah diucapkan kepada pelajar yang terabit dan sudah semestinya sekalung penghargaan seharusnya dipanjangkan kepada seluruh kaum guru di negeri ini atas usaha mereka yang tidak pernah kenal penat lelah demi untuk melahirkan modal insan yang berkualiti yang bakal mewarnai landskap negeri Sabah masa akan datang.

Ke mana perginya pelajar cemerlang SPM selepas ini? Pelbagai pilihan terpampang di hadapan mata. Ada yang mengorak langkah menuju ke pusat matrikulasi, asasi sains universiti awam, diploma dan sebagainya. Tidak kurang juga yang memilih untuk menyambung pengajian dalam bidang berdasarkan kemahiran dan teknikal di pusat latihan teknikal dan kemahiran mengikut bidang yang digemari.

Sebenarnya saban tahun pihak universiti menjalankan pelbagai aktiviti promosi yang dijalankan di seluruh negeri dan negara untuk menyebarkan maklumat yang terkini tentang program pengajian yang ditawarkan kepada lepasan SPM, STPM, matrikulasi dan diploma. Pihak pentadbir sekolah atau kaunselor di negeri ini khususnya seharusnya mengambil peluang sedemikian untuk menghadiri sesi taklimat yang diadakan di samping menggalakkan pelajar yang berkenaan menghadiri sendiri program promosi yang diadakan oleh pihak universiti.

Bersesuaian dengan itu, Universiti Malaysia Sabah (UMS) salah satu universiti awam yang ternama terletak di negeri ini telah mengorak langkah positif meluaskan peluang melanjutkan pengajian kepada pelajar lulusan SPM untuk Program Asasi Sains dan Teknologi pada tahun ini. Dijangkakan pihak universiti akan meningkatkan jumlah pengambilan pelajar pada sesi akan datang berbanding pengambilan pada tahun-tahun lepas.

Pelajar-pelajar yang berjaya menamatkan pengajian di peringkat Program Asasi Sains dan Teknologi dengan jayanya akan ditawarkan peluang melanjutkan pelajaran di peringkat Ijazah Sarjana Muda Kepujian dalam pelbagai pakej yang menarik yang meliputi bidang Sains dan Teknologi dengan program pengajian yang bersesuaian dan memenuhi keperluan industri serta bersifat kompetitif sebagai contohnya bidang perubatan, kejuruteraan, komputer dan teknologi maklumat, sains perhutanan, pertanian, pemakanan, bioteknologi, geologi, kimia industri, sains marin dan lain-lain lagi.

Pelajar tempatan khususnya seharusnya mengambil dan menyahut cabaran dan peluang ini dalam usaha memenuhi keperluan tenaga profesional yang tinggi dalam pelbagai bidang sains dan teknologi di Sabah pada masa akan datang. Selaras dengan keperluan ini juga pihak UMS mensasarkan pengambilan pelajar Program Asasi Sains dan Teknologi pada tahun ini meliputi 80 peratus adalah dari kalangan anak-anak watan Sabah. Dalam kata, lain keutamaan pengambilan pelajar adalah dari kalangan pelajar yang berasal dari negeri ini. Peluang keemasan seperti ini tidak seharusnya dilepaskan begitu sahaja.

UMS merupakan universiti awam yang kesembilan di Malaysia menjangkau usia remaja 18 tahun pada tahun ini. Tidak dapat dinafikan universiti ini telah jauh lebih matang berbanding di awal penubuhannya pada 1994. Pelbagai bentuk kejayaan telah berjaya digapai khususnya dalam bidang penyelidikan, penerbitan, perhubungan antarabangsa, sukan, ko-kurikulum dan pelbagai lapangan menjadikan universiti ini unggul, cemerlang dan menjadi kebanggaan dalam kalangan warga kerjanya dan masyarakat di negeri Sabah.

Setiap tahun dalam majlis konvolesyen yang diadakan, UMS berjaya melahirkan tidak kurang daripada 4,000 orang graduan ijazah pertama, sarjana dan doktor falsafah yang berjaya menamatkan pengajian dalam bidang masing-masing.

Menyedari tentang peranan yang dimainkan oleh UMS di negeri ini, pihak pentadbir yang diketuai Naib Canselor disokong oleh kakitangan akademik dan bukan akademik yang profesional telah mempergiatkan lagi jaringan antarabangsa dengan universiti-universiti ternama di seluruh dunia termasuklah universiti di United Kingdom, Amerika Syarikat, Australia, Perancis, New Zealand, Jepun, Korea Selatan, Taiwan, Thailand, Brunei, Indonesia dan banyak lagi. Tujuan utama jaringan yang dibina untuk meningkatkan usaha sama antara universiti yang terlibat khususnya dalam bidang penyelidikan, persidangan, penerbitan dan pengajaran.

Tahun ini juga turut menyerlahkan pencapaian membanggakan UMS sama ada di peringkat kebangsaan dan antarabangsa. Dari segi status ranking universiti yang dikeluarkan baru-baru ini. UMS merupakan universiti yang ke lapan terbaik di peringkat kebangsaan, antara 800 universiti terbaik di Asia dan berada pada kedudukan 1,224 di dunia jauh lebih baik berbanding pencapaian pada tahun lalu. Hal ini membuktikan bahawa UMS terus komited mengorak langkah ke arah kecemerlangan selain bertindak secara konsisten memenuhi NKRA yang ditetapkan oleh pihak kerajaan dari masa ke semasa.

Oleh yang demikian, pelajar-pelajar di luar sana khususnya lepasan SPM adalah diseru untuk merebut peluang melanjutkan pelajaran di UMS untuk sama-sama melonjakkan lagi nama baik UMS serta kecemerlangan yang telah dicapai selama ini. Kecemerlangan yang dicapai bukannya untuk warga UMS sahaja bahkan kecemerlangan yang dicapai mewakili semua warga di negeri ini.

\*Penulis adalah Pensyarah Kanan di Sekolah Pendidikan dan Pembangunan Sosial, Universiti Malaysia Sabah dan dapat dihubungi melalui solat5@yahoo.com